

MENDEPANI CABARAN DUNIA MODEN: MENYOROT STRATEGI ULAMA

Mariam Abd. Majid

Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. Tel: (60) 013-340-1616. Email: mariam@kuis.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan beberapa strategi yang perlu diberi perhatian untuk dilaksanakan oleh golongan ulama dalam usaha mendekati umat. Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam dunia moden hari ini memerlukan pendekatan-pendekatan yang berstrategi golongan ulama dalam usaha mendekati umat agar seruan dakwah yang disampaikan dapat mempengaruhi penerimaan mereka. Sehubungan dengan itu, para ulama perlu mengaplikasi pendekatan berstrategi dengan mengambilkira elemen-elemen yang mendominasi diri dan tingkah laku seseorang individu ke arah menjinakkan diri umat menerima segala seruan dakwah yang disampaikan. Kajian ini adalah berbentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati empat fokus utama golongan ulama dalam merangka strategi untuk mendekati umat ialah dominasi terhadap keperluan elemen pemikiran, kerohanian, jiwa dan fizikal umat. Ini kerana, keempat-empat elemen memberi pengaruh yang besar terhadap diri dan tingkah laku umat.

Kata Kunci: Strategi, Ulama, Cabaran, Dunia Moden, Dominasi, Pemikiran, Kerohanian, Jiwa, Fizikal

(FACING THE MODERN WORLD CHALLENGES: A REVIEW OF ISLAMIC SCHOLARS STRATEGIES)

ABSTRACT

This article discusses a few strategies that need attention to be implemented by the Islamic Scholar in the effort to approach the Ummah. Challenges faced in the modern era today require excellence strategies in the deed to be closer to the ummah. The Da'wah sermon intended for the target group could influence their acceptance. Before that, Islamic Scholars need to apply the strategic approach by considering elements that dominate a person and their behavior towards taming the Ummah emotion and feeling to accept the Da'wah conveyed. The method of this article is content analysis. The study reveals four main focuses of Islamic scholars in framing the strategy to approach Ummah: dominating the thinking needs element, spiritual, soul, and physical. Those strategies are the reasons that persuade towards behaviors and the Ummah.

Keywords: Strategies, Islamic Scholar, Challenges, Modern Era, Dominating, Thought, Spiritual, Soul, Physical

Received: December 3, 2015

Accepted: Februari 12, 2016

Online Published: December 30, 2016

1. Pengenalan

Ulama merupakan golongan yang mewarisi tanggungjawab menyampaikan seruan dakwah yang dilaksanakan oleh para nabi. Berdakwah mempunyai bentuk dan kaedahnya yang tersendiri kerana setiap perkara yang wujud di alam ini mempunyai kaedah dan caranya yang tertentu sama ada cara hidup, cara mati, cara berkembang, cara membesar, cara bergerak atau cara-cara yang lain. Berdakwah bukanlah sekadar mengajak manusia kepada agama Allah semata-mata tetapi ia harus diiringi dengan suatu tatacara yang berstrategi agar seruan dakwah yang disampaikan berupaya mempengaruhi orang yang diseru (Ab. Aziz Mohd. Zin 1997). Strategi sangat penting dalam usaha mendekati dan mempengaruhi umat menerima usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan seterusnya dapat menjamin penerimaan seruan dakwah yang disampaikan.

Terdapat beberapa tulisan kajian telah dilakukan berkaitan kepentingan aspek strategi dalam suatu usaha dakwah antaranya buku yang bertajuk *Tersungkur Di Pintu Syurga* yang memaparkan antara strategi kejayaan dakwah pertubuhan Al-Arqam (Zabidi Mohamed,1998), *Strategi Rasulullah Menghadapi Ulah Yahudi* (Mustafa Kamal Wasfi, 1992), *Strategi Dunia Islam Abad Ke 21* (Ziauddin Sardar,1994), *Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina Di Kuala Lumpur* (Ab. Aziz,1993) serta beberapa yang lain. Selain artikel yang mengemukakan antara strategi dakwah yang dilaksanakan dalam dakwah Islam, terdapat juga penulisan yang mengemukakan strategi-strategi yang diaplikasi dalam agama lain seperti strategi penyebaran Kristian iaitu melalui buku *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan Satu Tinjauan Sosiologi*(Ghazali Basri,1994) dan strategi musuh-musuh Islam melalui buku *Strategi Musuh Menentang Islam: Motivasi Kesedaran Minda Ummah* (Salih, Sa'ad al-Din al-Sayyid, 1996)

Terdapat banyak penulisan berkaitan strategi dakwah Rasulullah saw antaranya buku bertajuk *Strategi Dakwah Rasulullah saw* (Ab Aziz Mohd Zin, 2012), *Pengurusan Dakwah* (Rozhan Othman,1996), *Dakwah Islamiah Di Malaysia: Tinjauan Kaedah dan Adaptasi Pemasaran* (Mariam Abd. Majid, 2000). Kajian-kajian berkaitan menjurus kepada perancangan strategi dalam suatu usaha dakwah.

Artikel ini mengemukakan beberapa strategi ulama dalam usaha mendekati umat yang berhadapan pelbagai cabaran dunia moden dengan memberi tumpuan terhadap domain-domain utama yang berpengaruh terhadap diri dan tingkahlaku seseorang manusia..

Objektif kertas ini bertujuan mengemukakan strategi berpengaruh untuk diaplikasi oleh golongan ulama dalam usaha mendekati umat yang sedang berada dalam suasana pelbagai cabaran masa kini. Terdapat beberapa sumbangan kertas ini. Pertama, kertas ini menyumbang kepada sumbangan keilmuan khususnya dalam bidang dakwah, Kedua meningkatkan usaha penerokaan terhadap aspek strategi dakwah. Ketiga, dapatan ini berupaya melancarkan usaha dakwah agar lebih berpengaruh dengan strategi baru dalam mendekati umat.

Secara keseluruhannya, artikel ini akan membincangkan tentang dakwah dan tanggungjawab ulama, kepentingan melaksanakan dakwah dengan berstrategi, usaha mendekati umat, kepentingan strategi dalam menghadapi cabaran dunia moden dan dapatan kajian iaitu strategi ulama dalam mendekati umat yang berhadapan pelbagai cabaran dunia moden.

2. Dakwah Dan Tanggung Jawab Ulama

Terdapat pelbagai takrif yang diberikan oleh para penulis dan pengkaji disebabkan kepelbagaian pendapat dalam menentukan makna dakwah itu sendiri serta kepelbagaian pandangan terhadapnya dari satu aspek (Al-Bayanuni, 1995). Perkataan dakwah berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu membawa makna menjemput, memanggil, mengajak, mendorong, menyampaikan, meminta tolong, memandu, beribadat, menyeru atau melaung (Ibn Manzur, t.t)

Yusuf Al-Qaradawi menyatakan dakwah kepada Allah SWT ialah dakwah ke arah agama-Nya, mengikut, petunjuk-Nya, menjalankan manhaj-Nya di mukabumi, mengesakan Allah SWT dalam pengibadatan, doa, ketaatan, penyucian daripada taghut yang mensyirikkan Allah SWT, membenarkan apa yang dibenarkan oleh Allah SWT dan membatalkan apa yang dibatalkan oleh Allah SWT seterusnya menyuruh yang baik dan melarang yang mungkar serta berjihad di jalan-Nya (Yusuf al-Qaradawi, 1991).

Ra'uf Syalabi menerangkan bahawa dakwah adalah satu gerakan membawa atau. Mengubah masyarakat daripada keadaan kufur kepada iman, kegelapan kepada cahaya, kesempitan kepada kelapangan di dunia dan di akhirat (Ra'uf Syalabi, 1982). Oleh itu, berdakwah dengan pengertiannya secara istilah difahami sebagai suatu usaha membawa manusia ke arah kebaikan dan petunjuk dengan menyuruh melakukan perkara kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran (al-Wakil, 1986).

Kebaikan yang dituju adalah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui keimanan dan pengibadatan dan dimanifestasikan dengan menyeru, mengajak, mengundang, mempelawa manusia seterusnya membimbing mereka ke arah mengamalkan ajaran Islam. Berdakwah yang dimaksudkan tidak terhad kepada proses menyampaikan mesej atau idea-idea Islam secara lisan semata-mata tetapi turut memberi tumpuan kepada usaha dakwah melalui program-program dakwah, akhlak, imej dan sebagainya.

Dakwah merupakan suatu seruan bertujuan mengajak dan mempengaruhi sasaran dakwah dalam bentuk tulisan, lisan, tingkahlaku dan seumpamanya dalam keadaan sedar dan berencana untuk menimbulkan suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan tanpa ada unsur paksaan. Kesilapan mendekati umat seperti kekasaran akan menyebabkan umat menjauhi ulama. Dakwah yang disampaikan hendaklah bersifat menjinakkan diri umat terhadap ulama agar seruan dakwah yang disampaikan dapat diterima (Ab. Aziz, 1999).

Adalah disimpulkan bahawa berdakwah merupakan suatu usaha untuk mempengaruhi manusia ke arah mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui keimanan dan pengibadatan seterusnya dimanifestasikan menerusi usaha dengan menyeru, mengajak, mengundang, mempelawa manusia seterusnya membimbing mereka ke arah mengamalkan ajaran Islam.

Menyampaikan seruan Islam atau dakwah Islam merupakan satu tanggungjawab agama yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat Islam tidak kira tua atau muda, lelaki atau perempuan, kecil atau besar, pemimpin atau rakyat secara khusus mahupun umum mengikut keadaan, kemampuan, keimanan serta keprihatinan terhadap keadaan kaum Muslimin dan masyarakatnya (Nasih `Ulwan, 1986). Terdapat banyak dalil daripada Al-Quran mahupun Hadis yang menyatakan mengenai kewajipan dakwah antaranya, ayat Al-Quran dalam surah al-Taubah, ayat 71 yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan RasulNya.

Melalui Hadis Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sampaikanlah daripadaku sekalipun satu ayat"²⁶

Berdasarkan kedua dalil naqli di atas, jelas difahami bahawa tanggungjawab berdakwah itu harus dipikul oleh setiap orang yang mengakui dirinya sebagai umat dari pengikut Rasulullah s.a.w. manakala umat dan pengikut baginda ialah mereka yang telah melafazkan kalimah syahadat serta mengakui dirinya seorang muslim (Abd. Karim Zaydan, 1980). Usaha berdakwah itu mesti dilaksanakan walaupun hanya melalui satu ayat.

Para ulama telah bersepakat menyatakan bahawa hukum berdakwah itu wajib namun berlaku perbezaan pendapat dalam menentukan jenis kewajipan tersebut samada ianya adalah kewajipan fardu ain atau fardu kifayah (Al-Bayanuni, 1995). Adalah salah juga jika difahami bahawa kewajipan berdakwah hanya ditujukan kepada golongan tertentu sahaja seperti ulama, tok imam dan seumpamanya (Ab. Aziz, 1997). Perbezaan golongan ulama dan orang awam cuma dilihat daripada aspek tanggungjawab kerana ulama berkewajipan menyampaikan huraian-huraian yang terperinci mengenai Islam berdasarkan ilmu mereka yang luas berbanding orang awam (Abdullah, 1993). Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (Md. Hashim, 1997);

"Amar makruf nahi mungkar adalah tugas asasi individu muslim. Sesiapa sahaja yang mengakui dirinya seorang Islam maka dia adalah pendakwah secara automatik dan tugas pendakwah merangkumi amar makruf nahi mungkar".

Perlaksanaan usaha dakwah adalah wajib dalam usaha memanifestasikan segala matlamat dakwah iaitu untuk beribadat kepada Allah SWT, menuju kesejahteraan, mewujudkan negara yang diredai, melahirkan kekuatan, mendapat cahaya keimanan dan mendapat keredaan Allah SWT (Ab. Aziz, 1997). Kaedah usul menyatakan bahawa tidak sempurna sesuatu yang wajib kecuali dengannya, maka ia adalah wajib (Al-Ghazali, 1993).

Ulama merupakan golongan yang dianugerahkan keupayaan ilmu pengetahuan yang benar. Tanggungjawab ulama adalah selaras dengan tanggungjawab golongan para rasul kerana para ulama adalah pewaris para nabi. Para nabi telah mewariskan tanggungjawab berdakwah menyeru umat ke arah kebaikan, menghindari kejahatan dan menyeru kepada keimanan terhadap Allah SWT. Interaksi dalam proses dakwah ini ditujukan untuk memengaruhi umat yang akan membawa perubahan sikap selaras dengan tujuan dakwah bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan diakhirat (Faizah & H. Lalu Muchsin, 2006).

Justeru itu, kepentingan usaha dakwah ini dibuktikan melalui kewajipan terhadap perlaksanaannya. Semua orang Islam wajib melaksanakan tanggungjawab berdakwah namun keutamaan pelaksanaan tanggungjawab adalah dipertanggungjawab kepada golongan ulama kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan.

3. Kepentingan Strategi Menghadapi Cabaran Dunia Moden

Dunia moden hari ini telah mempamerkan keadaan umat yang berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya cabaran dalam aspek akidah, syariat dan akhlak. Justru, golongan ulama harus mempersiapkan diri menerusi pelbagai strategi bagi memastikan umat tetap teguh mempunyai jati diri muslim yang berasaskan akidah dan ilmu. Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Abd. Majid menjelaskan bahawa gerakan pemikiran Islam menghadapi abad ke 21 M mesti berusaha membentuk generasi baru yang bersatu dalam asas akidah dan pemikiran. Kekuatan iman dan ilmu, ketegasan dan jihad yang berterusan sahaja yang berupaya menanggapi hakikat hidup dan perubahan besar yang berlaku dalam dunia hari ini (Mohd Kamil,1994).

Berdakwah bukanlah sekadar mengajak manusia kepada agama Allah SWT semata-mata tetapi ia harus diiringi dengan uslub serta suatu tatacara yang baik agar dapat mempengaruhi orang yang diseru (Ab. Aziz Mohd. Zin 1997). Golongan ulama perlu mempunyai perancangan dan strategi terbaik dalam usaha mempengaruhi umat agar terus iltizam dengan Islam terutama ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam dunia moden pada hari ini. Persaingan sengit antara kebenaran dan kebatilan memerlukan gagasan perancangan dan strategi yang mantap. Strategi dan perancangan penting kerana usaha yang tidak berperancangan akan mudah dikalahkan dengan perancangan rapi yang disusun oleh musuh Islam.

Islam menekankan kepentingan aspek perancangan dan pengurusan dengan menyediakan landasan serta kaedah yang unggul melalui Al-Quran, hadis serta sirah dakwah para rasul (Muhammad. Abu al-Fatah Al-Bayanuni, 1995). Firman Allah SWT dalam al-Quran, surah As-Saff ayat 4:

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya dalam barisan yang teratur rapi seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh"

Daripada ayat di atas dapatlah difahami bahawa Allah SWT menyatakan antara sifat orang yang dikasihi oleh-Nya ialah berjuang di jalan-Nya dalam satu barisan yang tersusun kukuh. Penyusunan yang rapi sangat penting dalam setiap usaha dakwah (Rozhan Othman, 1990).

Pistiwa Perang Uhud turut membuktikan kepentingan menitikberatkan perancangan dan pengurusan dalam sesuatu operasi perjuangan Islam. Lokasi bagi peperangan ini ialah di sebuah bukit bernama Uhud dan bersempena itu peperangan ini dikenali sebagai peperangan Uhud. Nabi Muhammad s.a.w seterusnya mengatur strategi dengan menyusun sebarisan tentera kaum muslimin membelakangi bukit Uhud dan seramai 50 orang pasukan pemanah yang diketuai oleh `Abdullah bin Jabir ditempatkan di atas bukit Uhud bagi mengawasi tentera muslimin. Kemenangan tidak akan tercapai semata-mata dengan niat yang baik atau menganut Islam. Tentera Muslimin tidak mencapai kemenangan dalam peperangan Uhud disebabkan kecuaihan mematuhi arahan serta penyusunan yang telah ditetapkan oleh seorang ketua (Rozhan Othman, 1990).

Islam dengan jelas memberi penekanan serius terhadap aspek strategi, perancangan dan pengurusan khususnya dalam sesuatu operasi dakwah. Pengabaian aspek strategi, perancangan dan pengurusan dakwah yang sesuai terhadap sasaran dakwah boleh menyumbang ke arah wujudnya pelbagai masalah dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan usaha penyebaran dakwah yang dilaksanakan malahan

dalam beberapa keadaan, ia mungkin boleh menjauhkan umat daripada mengikuti aktiviti dakwah yang dianjurkan.

4. Strategi Ulama Mendekati Umat

Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang besar iaitu keselamatan daripada azab siksa yang sedih bagi mereka yang berjuang membela dan menegakkan agama Allah SWT sama ada dengan harta mahupun diri mereka. Firman Allah SWT dalam surah al-Saff, ayat 10-11:

Wahai orang yang beriman, mahukah Aku turijukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, jika kamu hendak mengetahui.

Sebaliknya Allah SWT akan menurunkan bala jika usaha dakwah diabaikan, kejahatan tidak dibendung, maksiat dibiarkan berakar umbi di dalam masyarakat dan kemungkaran berleluasa.

Kemusnahan umat terdahulu seperti Bani Israel adalah disebabkan mereka menolak dakwah serta tidak menghidupkan kerja-kerja kebajikan dan mencegah kejahatan (Abd. Ghafar, 1997). Segala peringatan telah disampaikan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Maidah, ayat 79:

"Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dan perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh) yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka lakukan"

Usaha dakwah tidak boleh dipandang remeh. Kemurkaan Allah SWT akan tertimpa ke atas semua umat sekiranya manusia bertindak menentang sunnah Allah SWT sama ada secara fizikal (hukum tabi'i) ataupun moral dan proses sebab musabab sosial sudah tidak dihiraukan (Asghar, 1994). Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, ayat 45:

"Maka bukan sedikit negeri-negeri yang Kami binasakan dengan sebab kezaliman penduduknya lalu runtuh ranaplah bangunan-bangunannya."

Allah SWT berfirman seterusnya dalam surah al-Hajj, ayat 48 yang bermaksud;

Dan bukan sedikit negeri-negeri yang Aku beri tempoh, sedang penduduknya berlaku zalim, kemudian Aku menimpakannya dengan azab seksa, dan ingatlah kepada Akulah tempat kembali.

Allah SWT mengutuk mereka yang meninggalkan usaha dakwah dan menjadi lebih berat lagi apabila golongan ulama sudah tidak menghiraukan hal ehwal masyarakat dan mengambil sikap berdiam diri. Sabda Rasulullah s.a.w (At-Tirmidhi, 1934):

"Barangsiapa menyembunyikan sesuatu ilmu pada hal dengan ilmu itu Allah SWT memberi manfaat kepada manusia dalam masalah agama, maka kelak di Hari Kiamat ia akan dikeang oleh Allah dengan kekangan daripada api neraka".

Usaha mendekati umat dengan dakwah mesti dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin Islam tetap subur berkembang. Sebaliknya, jika tugas berdakwah ini diabaikan maka Allah SWT akan menurunkan bala-Nya tidak hanya kepada individu tertentu tetapi terhadap seluruh manusia. Tiada siapa yang dapat membela dan memelihara sesuatu umat jika bala telah diturunkan melainkan kesemuanya akan beransur-ansur menuju kehancuran.

Terdapat beberapa fokus yang perlu diberi perhatian oleh golongan ulama dalam usaha merangka strategi dalam usaha mendekati umat pada hari ini. Usaha golongan ulama mendekati diri kepada umat bertujuan agar dapat mendominasi serta meninggalkan pengaruh yang kuat terhadap diri dan tingkahlaku umat menerusi penyampaian seruan dakwah yang dilaksanakan. Berikut adalah beberapa strategi yang perlu dilaksanakan oleh golongan ulama dalam usaha mendekati umat yang berhadapan dengan pelbagai cabaran dunia moden pada hari ini untuk menerima seruan dakwah yang disampaikan.

4.1 Strategi Dominasi Aspek Pemikiran Umat

Golongan ulama perlu memberi fokus terhadap usaha mendominasi aspek pemikiran umat. Tingkahlaku seseorang manusia dipengaruhi oleh aspek pemikiran dan jiwa (Mahmood Nazar, 1991). Strategi mendominasi pemikiran umat dapat dilaksanakan dengan membekalkan umat dengan intipati ilmu pengetahuan yang benar berasaskan ajaran al-Quran dan hadis agar meresapi masuk membentuk acuan pemikiran umat. Pemikiran benar hanya akan lahir hasil daripada ilmu yang benar. Ilmu yang benar mempengaruhi cara berfikir umat seterusnya menzahirkan tindakan yang benar sejajar dengan bentuk serta cara pemikiran yang dipegang.

Saluran ilmu yang benar terhadap umat berupaya menangkis pelbagai bentuk serangan pemikiran yang terseleweng daripada asas Islam yang sebenar seperti seperti fahaman pluralisme, liberalisme, feminisme dan beberapa aliran pemikiran salah yang lain merupakan antara ancaman serius kepada umat sekaligus menjadi cabaran hebat kepada golongan ulama dalam dunia moden pada hari ini. Aliran-aliran pemikiran salah ini memberi kesan terhadap pemikiran dan tindakan umat.

Selain aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai ajaran sesat juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat. Justeru itu, golongan ulama perlu serius memikirkan strategi untuk sentiasa pro aktif membekalkan umat dengan sumber dan acuan pemikiran yang tepat bagi memastikan umat memiliki bentuk pemikiran yang benar seterusnya pasti melaksanakan tindakan yang benar.

4.2 Strategi Dominasi Aspek Kerohanian Umat

Strategi seterusnya adalah tumpuan golongan ulama mendekati umat menerusi pendekatan mendominasi aspek kerohanian umat yang meliputi aspek nafs, qalb dan akal setiap umat. Setiap umat mempunyai nafs yang melingkungi aspek qalb seterusnya akal yang berpadu membentuk aspek kerohanian seseorang (Ahmad Mubarak, 1999).

Aspek nafs merupakan aspek yang dominan kepada umat Ia mempunyai dua kecenderungan yang bertentangan iaitu kebaikan dan keburukan. Firman Allah SWT dalam surah al-Syams, ayat 9-10 bermaksud:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya dan rugilah orang yang mengotorkan jiwanya.”

Jiwa yang suci berupaya membentuk qalb yang baik. Dari aspek fizikal, qalb ialah seketul darah beku yang terletak di sebelah kiri dada. Ia berperanan mengawal seluruh perjalanan darah dan menjadi sumber nyawa. Dari segi rohani ia bersifat halus, lembut dan berperanan menentukan hakikat manusia. Qalb mempunyai sifat semulajadi yang positif iaitu mencintai perkara yang baik. Segala tingkahlaku manusia termasuklah keinginan digerakkan oleh hati (Mohd Saleh, 1995). Qalb yang baik pasti melahirkan umat yang mempunyai tingkahlaku yang baik. Hadis Rasulullah SAW:

“Ketahuilah, bahawa dalam tubuh terdapat mudghah (segumpal daging), jika ia baik, maka baik pula seluruh tubuhnya. Jika ia rusak, maka rusak pula seluruh tubuhnya. Ketahuilah bahwa segumpal daging itu adalah hati” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Elemen kerohanian seterusnya adalah aqal. Aqal ialah perkara utama yang dijadikan oleh Allah SWT. Ia diertikan suatu kuasa kefahaman manusia untuk mengetahui hakikat sesuatu. Fungsi akal ialah mencari dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada hati dan seterusnya menghampiri Allah SWT. Dari segi fizikal ia merupakan alat perakam yang dinamakan otak. Akal berupaya menyinar rohani manusia seterusnya dapat memahami perkara yang dilihat serta berupaya memahami perkara-perkara yang abstrak (Mohd Salleh, 1995). Berdasarkan keterangan di atas menjelaskan kerohanian merupakan suatu elemen yang sangat mempengaruhi diri dan tingkahlaku seseorang manusia. Oleh yang demikian, adalah sangat penting bagi golongan ulama merangka strategi menerusi pelbagai usaha dan program untuk mendekati kerohanian umat. Aspek kerohanian yang baik pada diri setiap umat akan melahirkan generasi al-Quran yang mampu mendepani pelbagai cabaran pada setiap masa dan keadaan.

4.3 Strategi Dominasi Aspek Jiwa Manusia

Aspek emosi sangat berkait rapat dengan perasaan seseorang manusia (Mariam Abd. Majid, 2012). Golongan ulama harus mempunyai strategi bagi mendekati jiwa umat agar seruan dakwah yang disampaikan dapat diterima dengan baik. Perkataan emosi berasal daripada perkataan Greek iaitu “emovere” yang membawa maksud “untuk keluar”. Oleh itu, emosi kebiasaannya akan ditonjolkan keluar untuk kepuasan seseorang manusia (Mahmood Nazar Mohamed, 1992). Emosi merupakan keadaan apabila seseorang mengalami perubahan psikologi ekoran rasa keselesaan atau ketidakselesaan yang muncul disebabkan rangsangan dalaman atau luaran yang menyumbang kepada reaksi tingkahlaku (Stephens F. Davis & Joseph J. Paladino, 2000). Ia turut diertikan sebagai keadaan afektif (perasaan) yang diikuti dengan perubahan psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku (Stephen Worchel & Wayne Shebilske, 1983). Afektif adalah komponen perasaan. Ia berkait tentang perasaan seseorang terhadap sesuatu sama ada suka atau tidak suka, positif atau negatif (Ma`rof Redzuan, 2007).

Pada dasarnya aktiviti berdakwah sentiasa melibatkan jiwa dua pihak iaitu penyampai seruan dakwah dan penerima seruan dakwah. Penyampai seruan dakwah perlu menjadikan dirinya seseorang yang disenangi dan disukai agar penerima dakwah mudah menerima seruan dakwah disampaikan seterusnya menjadikan jiwa mereka merasa tenang dan seronok dengan kehadirannya. Dalam keadaan begitu, barulah

mudah bagi sasaran untuk terpengaruh dengan seruan dakwah dan cadangan-cadangannya (Abdullah Hasan, 2000)

Emosi adalah perasaan atau tindakbalas afektif yang dialami seseorang manusia sama ada menyenangkan atau tidak ekoran sesuatu rangsangan yang diterima. Strategi mendekati umat menerusi dominasi jiwa manusia adalah sangat efektif dan berkesan kerana aspek jiwa mempengaruhi diri serta tingkahlaku individu.

Golongan ulama perlu memberi tumpuan terhadap pendekatan mendekati jiwa umat dengan memastikan tindakan dakwah yang dilaksanakan menyenangkan jiwa umat antaranya seperti ucapan yang baik, khidmat yang menyenangkan serta perasaan yang murni terhadap umat. Sebaliknya jika pendekatan yang dilaksanakan oleh ulama adalah kasar dan keras, ia dibimbangi akan menjauhkan umat dari didekati.

4.4 Strategi Dominasi Aspek Fizikal Manusia

Selain strategi mendekati umat menerusi dominasi elemen pemikiran, kerohanian dan jiwa umat, golongan ulama harus perlu menitikberatkan elemen keperluan fizikal umat. Keperluan fizikal manusia adalah dikaitkan dengan keperluan yang bersifat fisiologi serta aktiviti dalam tubuh badan seseorang seperti perlindungan, pemakanan dan zat yang seimbang. Manusia memerlukan makanan dan minuman agar tubuh badan berada dalam keadaan seimbang. Manusia akan berasa lapar, dahaga, keperluan udara, rehat, tidur, menjauhi rasa sakit dan seumpamanya (al-Najati, 2005). Usaha memenuhi keperluan fizikal umat adalah antara strategi berkesan dalam usaha untuk mendekati umat.

Isu umat Islam menerima bantuan gereja telah mengejutkan seluruh umat Islam sebelum ini. Fenomena ini membuktikan bahawa aspek keperluan fizikal merupakan salah satu strategi yang perlu dirancang dan diberi perhatian oleh golongan ulama bagi mendekati umat terutama dalam dunia hari ini. Dr Ahmad Mubarak dalam bukunya bertajuk Psikologi Dakwah menjelaskan bahawa faktor biologi, psikososial dan biopsikososial memberi pengaruh yang kuat terhadap seseorang manusia (Ahmad Mubarak, 1999). Cabaran peningkatan kos kehidupan, kemiskinan, penyakit semakin serius dihadapi umat dalam dunia moden masakini. Justu, strategi memenuhi keperluan fizikal umat tidak boleh dipandang ringan oleh golongan ulama.

5. Kesimpulan

Manusia diciptakan daripada paduan unsur jasad (fizikal) dan spiritual (kerohanian) yang melengkapkan kesempurnaan kejadiannya. Al-Quran telah menjelaskan berkaitan penciptaan manusia ini dalam firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَالٍ مِّنْ حَمَإٍ مَّسْنُونٍ. فَإِذَا سَوَّيْتَهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ

Maksudnya:

Dan (ingatlah peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada para malaikat “sesungguhnya Aku (Allah) hendak menciptakan manusia daripada tanah liat yang kering berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya. Maka apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh (ciptaan) Ku lalu mereka (para malaikat) sujud kepadanya”.

Berdasarkan ayat di atas dapatlah difahami manusia terbentuk daripada elemen jasad dan spiritual. Ini bererti umat dilingkungi dengan keperluan memenuhi tuntutan keperluan fizikal dan kerohanian yang wujud pada diri setiap individu untuk dipenuhi. Keperluan jasad (fizikal) dan keperluan spiritual (kerohanian) manusia adalah untuk meninggikan jiwa dan ruh (al-Najati, 2005).

Kedua unsur jasad dan spiritual yang meliputi empat aspek yang dominan iaitu pemikiran, kerohanian, jiwa dan fizikal ini memberi kesan yang kuat terhadap diri seseorang manusia sekaligus berperanan membentuk keseluruhan kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, golongan ulama perlu merangka strategi untuk mendekati umat menerusi strategi memenuhi keperluan pemikiran, kerohanian, jiwa dan fizikal manusia agar seruan dakwah yang disampaikan berupaya menembusi hati seterusnya merasa dekat dengan umat yang akan membangkitkan daya umat untuk melakukan perubahan berasaskan seruan dakwah yang disampaikan.

Rujukan

- Asghar Ali Engineer. (1994). *Islam Dan Cabaran Masahni*. Kuala Lumpur: Iqraq.
- Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa. (1934). *Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi: al-Musamma Bahr al-Madhi*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2012). *Strategi Dakwah Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: APIUM
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1993). *Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina Di Kuala Lumpur*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2001). *Psikologi Moden Untuk Bakal Pendakwah*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Ahcmad Mubarak. (1999). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pustaka Risalah.
- Al-Najati, Muhammad Othman. (2005). *Psikologi Nabi*. Bandung: Pustaka Hidayah
- Faizah, S. Ag, M. A. dan H. Lalu Muchsin. (2006). *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Rahmat Semesta.
- Ghazali Basri. (1994). *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan Satu Tinjauan Sosiologi*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Ma`rof Redzuan. (2007). *Psikologi Sosial*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1999). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Mariam Abd.Majid. (2000). *Dakwah Islamiah Di Malaysia: Tinjauan Kaedah dan Adaptasi Pemasaran*. Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mariam Abd.Majid. (2012). *Mualaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Anutan Islam*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Mohd Kamil Ab. Majid. (1994). Pemikiran Islam Dalam Menghadapi Cabaran Abad 21M. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2. Kuala Lumpur: APIUM.
- Mohd Salleh Lebar. (1995). *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mustafa Kamal Wasfi. (1992). *Strategi Rasulullah Menghadapi Ulah Yahudi*. Solo: Pustaka Mantiq.
- Al-Najati, Muḥammad Uthman. (2005). *Al-Hadith al-Nabawi Wa `Ilm al-Nafs*. Kaheerah: Dār al-Mashruq.

- Rozhan Othman. (1990). *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam: Ummah Media Sdn. Bhd.
- Salih, Sa'ad al-Din al-Sayyid. (1996). *Strategi Musuh Menentang Islam: Motivasi Kesedaran Minda Ummah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Stephens F. Davis & Joseph J. Paladino. (2000). *Psychology*. USA: Prentice-Hall, Inc.
- Stephen Worchel & Wayne Shebilske. (1983). *Psychology: Principles And Applications*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Zabidi Mohamed. (1998). *Tersungkur Di Pintu Syurga*. Kuala Lumpur. Zabidi Publication.
- Ziauddin Sardar. (1994). *Strategi Dunia Islam Abad Ke 21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Author's Biography

Mariam binti Abd. Majid, lulusan Ph.D. dalam bidang Metodologi Dakwah di Universiti Malaya. Beliau mendapat ijazah M.A dalam bidang Usuluddin di Universiti Malaya (Strategi Pemasaran Dakwah) dan B.A dalam bidang Usuluddin, pengkhususan (Pentadbiran Organisasi) di Universiti Malaya. Sekarang memegang jawatan sebagai Dekan di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan merupakan pensyarah kanan di dalam Jabatan Dakwah dan Usuluddin. Beliau banyak menulis kertas kerja dan artikel jurnal dalam bidang Dakwah, Dakwah Muallaf serta Pemasaran Dakwah dan terlibat dengan geran-geran penyelidikan dalam bidang Dakwah dan pengajian Islam. Bidang penulisan merangkumi bidang dakwah, pembangunan Insan dan pengajian Islam. Terlibat sebagai panel dalam program-program dakwah, aktiviti pendidikan dan pembangunan muallaf serta aktiviti-aktiviti pengajian di surau dan masjid di sekitar Selangor. Kini beliau bertugas sebagai pensyarah kanan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sejak tahun 1998. Alamat e-mel: mariam@kuis.edu.my.